



13 Ogos 2019

## **KENYATAAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

### **PUSPAKOM PERAI DAN MAK MANDIN AKAN BEROPERASI DI BAWAH SATU BUMBUNG**

---

**Shah Alam, 13 Ogos** – Bermula 7 September 2019 (Sabtu), operasi pemeriksaan cawangan PUSPAKOM Perai di Jalan Perusahaan Perai Industrial Park akan ditutup bagi persediaan untuk penggabungan operasinya dengan cawangan PUSPAKOM Mak Mandin beralamat di Kawasan Perindustrian Mak Mandin. Para pelanggan masih boleh mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di cawangan alternatif yang berdekatan seperti cawangan PUSPAKOM Batu Maung, Teluk Kumbar, Sungai Petani dan Taiping.

“Pada masa yang sama, PUSPAKOM Mak Mandin akan dinaiktaraf menjadi cawangan yang berkapasiti mengendalikan semua jenis pemeriksaan bagi semua jenis kenderaan. Kerja-kerja pembinaan satu bangunan baharu yang bersebelahan dengan bangunan PUSPAKOM Mak Mandin yang sedia ada sedang berjalan lancar, dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Oktober ini,” kata Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail.

“Bangunan tambahan itu akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang akan memberi keselesaan kepada pelanggan seperti ruang menunggu berhawa dingin serta sistem *live feed* yang dipaparkan di skrin televisyen bagi memudahkan pelanggan membuat semakan status pemeriksaan kenderaan mereka,” tambah Shukor.

“Penggabungan kedua-dua cawangan ini merupakan sebahagian daripada usaha kami bagi menyusun semula rangkaian cawangan PUSPAKOM di Pulau Pinang bertujuan membantu meningkatkan kecekapan operasi pemeriksaan. Ini bukan sekadar dapat memenuhi keperluan pelanggan di kawasan Butterworth, malah dapat menyediakan kemudahan tempat yang lebih luas untuk mengendalikan kenderaan,” ujar Shukor.



PUSPAKOM akan terus memberi tumpuan untuk menawarkan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan. Pelbagai saluran telah disediakan oleh PUSPAKOM untuk para pelanggan yang memerlukan khidmat nasihat seperti talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927, e-mel [customerservice@puspakom.com.my](mailto:customerservice@puspakom.com.my), mesej peribadi di Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd atau *Live Chat* melalui laman sesawang PUSPAKOM [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my)

###

### **Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan**

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322

*Poster Penggabungan PUSPAKOM Perai dan Mak Mandin*

The poster features a graphic of a roof with orange tiles and a white gable, set against a blue sky with white clouds. On the left, the PUSPAKOM logo is displayed. The main text is in bold yellow letters on a dark blue background. Below the main text, there is a white arrow pointing right containing the date '7 September 2019 (Sabtu)'. At the bottom, there is a white bar with social media and contact information icons.

**PUSPAKOM PERAI & PUSPAKOM MAK MANDIN AKAN BEROPERASI  
DI BAWAH SATU BUMBUNG**

**Penutupan PUSPAKOM Perai bermula pada** **7 September 2019 (Sabtu)**

Cawangan alternatif : PUSPAKOM Batu Maung, Teluk Kumbar, Sungai Petani & Taiping

[f](#) Puspakom Sdn Bhd | [@puspakom\\_ontheroad](#) | [v](#) PUSPAKOM Sdn Bhd | [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) | [1-800-88-6927](tel:1-800-88-6927) | [customerservice@puspakom.com.my](mailto:customerservice@puspakom.com.my)